

Penggunaan Dilema *Real-Life* Dalam Pengajaran Pendidikan Moral

Vishalache Balakrishnan

Abstrak

“Moral Education in the secondary schools is a programme continued from Moral Education in the primary schools. In line with the aims of the National Education Philosophy, Moral Education aims at producing students of good character. The purpose of this study was to investigate the use of real-life moral dilemmas in teaching of Moral Education. The focus of this study was to investigate what real-life dilemmas are urban school secondary students facing and what orientation are they using to solve such real-life dilemmas. The instruments used were a questionnaire, real-life dilemmas and moral dilemma discussions.”

Pengenalan

Matlamat am Pendidikan Moral Sekolah Menengah ialah untuk membentuk individu yang berperibadi mulia melalui pemupukan, penghayatan dan mengamalkan nilai-nilai murni (Falsafah Pendidikan Negara, 1979, Sukatan Pelajaran 1988)

Fokus pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral adalah ke arah mempelbagaikan kegunaan isu dan situasi dalam pembelajaran Pendidikan Moral agar pelajar-pelajar bersedia menghadapi konflik moral dan menyelesaikannya berasaskan kepada nilai dan prinsip moral (Sukatan Pelajaran 1988). Pendidikan Moral di sekolah menengah memberi tumpuan kepada usaha memupuk kekuatan kerohanian dan kemoralan murid melalui

penghayatan dan amalan nilai-nilai murni masyarakat Malaysia yang terdapat dalam agama, tradisi dan adat resam pelbagai kaum di negara ini. Dengan itu, murid dapat membina satu panduan hidup yang membolehkan mereka menjadi insan yang bermoral. Hal ini membolehkan mereka menjadi individu yang bertanggungjawab moral dan sosial terhadap segala keputusan dan tindakan yang dilakukan. (Sukatan Pelajaran Pendidikan Moral, 2000) Nilai-nilai yang terdapat dalam Sukatan Pelajaran Pendidikan Moral adalah berpunca daripada nilai-nilai pelbagai kaum di Malaysia. (Sukatan Pelajaran 1988; Abdul Rahman dan Chang; 1999).

Secara amnya, Sukatan Pelajaran Pendidikan Moral untuk Sekolah Menengah (1988) mempunyai beberapa objektif bagi mata pelajaran ini. Tujuannya untuk membolehkan pelajar:

1. Memperkukuh dan mempertingkatkan amalan, tabiat dan tingkah laku yang selaras dengan sikap dan nilai moral yang diperolehi pada peringkat sekolah rendah.
2. Menyedari, memahami dan menghayati norma dan nilai murni masyarakat Malaysia.
3. Membentuk pemikiran yang rasional berasaskan prinsip-prinsip moral.
4. Memberi sebab-sebab yang munasabah berdasarkan pertimbangan moral dalam membuat sesuatu keputusan.
5. Menggunakan pertimbangan yang berlandaskan prinsip-prinsip moral sebagai panduan dalam amalan kehidupan sehari-hari.

Mata pelajaran Pendidikan Moral merupakan satu mata pelajaran yang hidup (Vishalache, 2002). Ia melibatkan aspek-aspek intelek, afektif dan tingkahlaku apabila dilaksanakan dalam pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Ia mengajar pelajar mengetahui, memahami dan melakukan sesuatu yang bermoral. (Lickona, 1991). Ini selaras dengan matlamat Pendidikan Moral yang merupakan satu program untuk mendidik murid supaya menjadi seorang insan yang bermoral atau berakhlak mulia dengan menekankan perkembangan

pemikiran moral, perasaan moral dan tingkah laku moral. (Sukatan pelajaran Pendidikan Moral, 2000).

Pengajaran mata pelajaran Pendidikan Moral dalam bilik darjah perlu diutamakan dari pelbagai aspek. Telah disyorkan dalam Laporan Kabinet 1979 agar kaedah pengajaran mata pelajaran Pendidikan Moral menggunakan isu-isu dan situasi semasa. John Wilson (1970) telah mengemukakan pemikiran moral sebagai asas untuk memahami tindakan-tindakan moral. Mengikut Wilson (, kemoralan seseorang boleh dikembangkan dengan memberi penekanan kepada kajian kepentingan bagi alasan-alasan yang diberi bagi diri sendiri dan bagi kepentingan orang lain. Ini bererti pelajar-pelajar Pendidikan Moral harus diberi pendedahan kepada pelbagai isu semasa di mana mereka menggunakan pertimbangan moral masing-masing untuk membuat sesuatu keputusan

Tetapi daripada pemerhatian penyelidik sejak menjadi guru Pendidikan Moral, didapati pelajar-pelajar begitu berat hati untuk menghadiri kelas Pendidikan Moral. Selain dari faktor menelaah nilai-nilai untuk peperiksaan, satu lagi aspek yang menjadi daya tolakan kepada pelajar-pelajar ialah penggunaan isu-isu hipotetikal. Mereka selalu dapat memberi jawapan yang betul apabila menjawab atau menyelesaikan sesuatu isu moral. Tetapi mereka ada memberitahu penyelidik bahawa dalam situasi sebenar mereka mungkin membuat keputusan yang berbeza iaitu mengikut keutamaan masing-masing. Satu isu hipotetikal yang telah dibincangkan ialah;

Bayangkan abang anda disaman polis kerana melanggar peraturan lalu lintas dan anda sendiri telah melihatnya melakukan kesalahan tersebut. Adakah anda akan menyebelahi polis trafik atau abang anda apabila anda memberi kenyataan di balai polis.

Salah satu respon yang diterima oleh penyelidik ialah "Sudah pasti bagi mendapat markah dalam peperiksaan, saya akan menyatakan abang harus disaman sebab dia tidak mengamalkan nilai patuh kepada undang-undang.

Tetapi jika perkara sebegini benar-benar berlaku, saya akan memihak abang saya.”

Menurut Krebs, Vermeulen, Benton, dan Carpendale (1997), manusia jarang membuat keputusan moral yang sama dalam kehidupan sebenar mereka berbanding dengan keputusan moral berdasarkan dilema hipotetikal; seperti yang diuji dalam ujian alat *Moral Judgement Interview* (MJI) Kohlberg. Jadi, persoalan di sini ialah mengapakah keputusan yang diambil oleh pelajar dalam waktu Pendidikan Moral tidak diaplikasikan dalam keadaan atau kehidupan sebenar?

Tinjauan akademik menunjukkan terdapat pelbagai jenis dilema yang digunakan dalam pengajaran Pendidikan Moral di sekolah-sekolah di Malaysia. Berdasarkan kepada persoalan tentang kegunaan dilemma dalam pendidikan moral, maka satu kajian telah dijalankan untuk meninjau Kajian ini memberi penjelasan ringkas tentang penggunaan dilema *real-life* dalam pengajaran Pendidikan Moral dalam bilik darjah di Malaysia (Vishalache, 2002). Kajian ini mengkaji daripada perspektif juga akan membincangkan orientasi moral pelajar-pelajar dalam lingkungan 15 hingga 17 tahun apabila membuat sesuatu keputusan. Implikasi penggunaan dilema *real-life* terhadap pengajaran Pendidikan Moral di sekolah juga akan dibincangkan dalam kertas ini.

Tinjauan Penggunaan Dilema *Real-life* terhadap Pengajaran Pendidikan Moral

Penggunaan dilema *real-life* dalam kajian terhadap pengajaran Pendidikan Moral di Malaysia membangkitkan dua isu penyelidikan, iaitu cara dilema *real-life* dikonstruksi dan kategori untuk mengelaskan orientasi moral dalam membincangkan dilema *real-life* di bilik darjah. Bahagian ini mengkaji kedua-dua isu tersebut dengan tujuan mengenal pasti dilema *real-life* yang digunakan serta kategori pengelasan orientasi moral bersesuaian dengan matlamat Falsafah

Pendidikan Negara (1988) dan matlamat Pendidikan Moral di sekolah-sekolah di Malaysia.

Jenis Dilema Moral

Dilema moral adalah suatu keadaan apabila seseorang individu atau sekumpulan masyarakat menghadapi satu situasi berkonflik di mana terdapat beberapa pilihan dalam membuat sesuatu keputusan moral. Selalunya, satu dilema moral mengandungi satu isu, dan beberapa watak tertentu di mana seseorang itu terpaksa membuat sesuatu keputusan. Dilema moral boleh dibahagi kepada dua yang utama iaitu dilema jenis hipotetikal (iaitu situasi berkonflik yang dicipta/direka) dan dilema jenis *real-life* (situasi moral yang benar-benar berlaku dalam kehidupan seseorang individu).

Dilema *Real-life*

Dilema-dilema *real-life* merupakan konflik hidup yang benar-benar dihadapi oleh responden. Dari kajian-kajian yang telah dijalankan oleh Gilligan (1982), didapati penggunaan dilema *real-life* adalah lebih realistik dalam memahami perspektif moral para responden. Setiap individu berbeza daripada seorang ke seorang dalam cara mereka menginterpretasi masalah-masalah moral.

Gilligan (1982) meneruskan dengan ideanya bahawa masalah moral dalam kehidupan sebenar agak kabur dan kompleks. Ianya dilihat sebagai mewakili satu objek oleh seseorang dan orang lain menganggapnya mewakili objek yang lain. Jadi, apabila manusia menghadapi dilema moral dalam kehidupan seharian mereka, mereka menginterpretasi masalah-masalah tersebut mengikut orientasi moral yang ada dalam sanubari masing-masing.

Menurut John Wilson (1987), satu cara pengajaran Pendidikan Moral yang efektif ialah cuba meletakkan pelajar-pelajar dalam situasi kehidupan yang sebenar. Ini bererti guru perlu mencipta keadaan dalam bilik darjah seakan-akan keadaan di luar bilik darjah dan dalam dunia sebenar. Pelajar perlu merasai apa yang

dibincangkan. Ini akan mengungkitkan rasa hati mereka, mengaktifkan pemikiran mereka dan mereka akan berfikir secara kritis sebelum membuat sesuatu keputusan yang bermoral. (Lickona, 1991)

Hersh (1980), Downey dan Kelly (1978) serta Purpel dan Ryan (1976) telah menyatakan bahawa salah satu cara yang paling kerap dibincangkan dalam Pendidikan Moral untuk meningkatkan minat dan mengembangkan pemaakulan moral pelajar adalah dengan menggunakan pendekatan perkembangan moral kognitif. Pendekatan ini sebahagian besarnya adalah berasaskan kepada teori Kohlberg mengenai teori perkembangan moral.

Kohlberg (1984) membuat andaian bahawa manusia memproses semua maklumat dalam dilema moral melalui struktur kognitif yang membawa mereka ke peringkat perkembangan moral mereka. Dalam teorinya, Kohlberg (1975) mengakui bahawa Pendidikan Moral mempunyai asas dalam merangsangkan pemikiran aktif seseorang ketika ia membuat keputusan terhadap isu-isu sosial. Teknik yang digunakan Kohlberg dalam pendekatan ini ialah menggunakan cerita-cerita yang mengandungi dilema moral. Dilema-dilema moral yang dikemukakan oleh Kohlberg ialah dilema-dilema hipotetikal yang membincangkan isu-isu moral yang berbeza dan melibatkan nilai-nilai yang tertentu yang berkonflik seperti undang-undang, peraturan sosial, dan perintah autoriti. Tugas guru ialah mengemukakan dilema moral dan menggalakkan 'alasan-alasan yang betul' dan bukannya 'jawapan-jawapan yang betul' dari pelajar. (Zieler, 1990). Tetapi kelemahan utama dalam cara pengajaran menggunakan dilema moral hipotetikal ialah dilema akan tinggal dilema dan apabila pelajar-pelajar berhadapan dengan situasi sebenar yang berkonflik, mereka tidak dapat membuat keputusan yang matang dan bernas. (Krebs dan rakan-rakan, 1997).

Gilligan (1982) menyatakan bahawa penggunaan dilema *real-life* iaitu menggunakan situasi kehidupan sebenar yang berkonflik dalam perbincangan adalah lebih realistik dalam memahami perspektif moral para responden. Ini ialah

kerana keputusan yang dibuat oleh responden adalah keputusan untuk dirinya dan bukan untuk orang ketiga. Dilema-dilema *real-life* adalah dalam lingkungan pengalaman pelajar-pelajar dan boleh digunakan sebagai pengukur tepat perspektif moral mereka. Wark dan Krebs (1966, 1997) telah melaporkan bahawa dari segi kandungan dilema, penggunaan dilema *real-life* lebih bermakna kerana responden menghadapi dilema tersebut dalam kehidupan seharian mereka.

Gilligan telah mengkritik Kohlberg (1987) yang menggunakan dilema hipotetikal yang di luar pengalaman pelajar dan tidak boleh digunakan sebagai pengukur tepat perspektif moral mereka. Krebs dan Denton (1997) telah menunjukkan bahawa tidak mungkin untuk mengagak tingkah laku moral dari peringkat perkembangan moral menurut peringkat perkembangan moral yang dikemukakan oleh Kohlberg. Manusia dalam peringkat perkembangan moral yang sama mungkin membuat keputusan yang berlainan, manakala mereka dari peringkat yang berlainan mungkin membuat keputusan moral yang sama dalam situasi yang sebenar.

Wark dan Krebs (1996) yang menjalankan kajian ke atas sekumpulan pelajar universiti mendapati keputusan moral mereka berbeza apabila berhadapan dengan dilema *real-life* berbanding dengan situasi hipotetikal. John Wilson (1970) juga mendapati aktiviti pembelajaran lebih bermakna apabila dikaitkan dengan dilema *real-life* yang dihadapi oleh pelajar. Para responden lebih bersemangat memahami tindak-tanduk moral dan kemoralan sebab isu yang dibincangkan ialah isu kehidupan mereka.

Wark dan Krebs (1996) telah melaporkan bahawa dari segi kandungan dilema, penggunaan dilema *real-life* lebih bermakna kerana responden menghadapi dilema tersebut dalam kehidupan seharian mereka. Jika dilema yang dibincangkan tidak ada kaitan dengan kehidupan responden, maka pertimbangan moral yang dibuat sekadar menjawab soalan kefahaman sahaja. Carpendale dan Krebs (1992), telah mendapati hampir kesemua golongan

dewasa yang dikaji tidak menonjolkan satu peringkat perkembangan moral yang tertentu apabila membuat pertimbangan dalam dilema *real-life*.

Krebs dan rakan-rakan (1996) mendapati proses kognitif yang terlibat dalam dilema *real-life* lebih pragmatik jika dibandingkan dengan proses kognitif yang dinilai dalam ujian MJI Kohlberg yang menggunakan dilema hipotetikal. Apabila manusia membuat pertimbangan moral dalam kehidupan seharian mereka, mereka sebenarnya membuat keputusan apa yang akan mereka lakukan, bukan apakah tingkah laku moral yang sepatutnya dilakukan dalam dilema hipotetikal.

Seperti yang disebutkata oleh Piaget dalam Rest (1983), kemoralan melibatkan keseimbangan individu-individu dalam sesebuah masyarakat. Setiap individu berinteraksi dengan individu lain mengikut peraturan yang dapat mengimbangkan faedah dan kesusahan akibat kerjasama ini. Pertimbangan moral yang dibuat mungkin berdasarkan kepentingan diri (Carpendale dan Krebs, 1995; Chang, 1998), keharmonian sosial (Carpendale dan Krebs, 1992); dan aspek motivasi serta afektif (Wark dan Krebs, 1997). Kepentingan diri merujuk kepada orientasi sendiri di mana seseorang mempunyai harapan, keperluan dan hormat terhadap diri sendiri. Keharmonian sosial lebih kepada orientasi *care* yang mementingkan perhubungan sesama manusia. Aspek motivasi serta afektif merujuk kepada orientasi gabungan (Chang, 1998) seperti menggunakan orientasi keadilan dan/atau sendiri, serta *care*.

Kategori untuk Mengelaskan Orientasi Moral

Orientasi moral yang telah digunakan telah dikategorikan mengikut kategori yang dikemukakan oleh Robert Selman (1980). Selman yang menjalankan kajian ke atas kanak-kanak dan remaja melalui kaedah kualitatif dengan teknik temuduga mendapati masalah remaja boleh digabungkan dalam empat domain perhubungan interpersonal: diri sendiri, persahabatan, perhubungan rakan sebaya, perhubungan ibu bapa dan anak. Namun begitu, dari respon subjek-subjek kajian ini, penyelidik telah mengubah suai domain ketiga Selman (1980)

iaitu yang asalnya konsep mengenai perhubungan rakan sebaya kepada konsep mengenai pencapaian akademik dan persekolahan. Ini ialah kerana lebih 80% daripada pelajar menyenaraikan isu-isu persekolahan dan pencapaian akademik sebagai masalah yang dihadapi pada masa kini. Maka domain perhubungan rakan sebaya telah digabungkan dengan domain kedua iaitu persahabatan.

Jadual 1: Dilema *real-life* yang dihadapi, isu-isu yang dikemukakan dan contoh soalan soalan yang ditanya oleh pelajar-pelajar

<p>Domain Pertama: Konsep Kendiri</p> <p>Isu: Personaliti (Pelupa, pemalas, suka bohong)</p> <p>Fizikal (Terlalu gemuk, selalu jatuh sakit, tidak rasa sihat dan cergas)</p> <p>Emosi (cepat marah, mementingkan diri sendiri, tidak puas hati selepas melakukan sesuatu)</p> <p>Contoh soalan: Bagaimana saya boleh mengurus diri menjadi lebih sistematik?</p>
<p>Domain Kedua: Konsep mengenai persahabatan</p> <p>Isu: Kawan-kawan terlalu aktif, rasa tertinggal tidak dapat berseronok dengan kawan-kawan, rasa cemburu dengan kawan yang lebih bijak, tidak tahu menjaga hati kawan.</p> <p>Contoh soalan: Bagaimana kawan-kawan dapat menyelesaikan masalah antara satu sama lain tanpa melukakan hati masing-masing?</p>
<p>Domain Ketiga: Konsep mengenai pencapaian akademik dan persekolahan</p> <p>Isu: Keputusan peperiksaan semakin merosot, pengajaran di sekolah membosankan, guru selalu marah di sekolah, tiada motivasi untuk belajar, kerja sekolah membebaskan.</p>

Contoh soalan: Bagaimana saya boleh meningkatkan pencapaian akademik saya yang semakin merosot?

Domain Keempat: Konsep mengenai perhubungan ibu bapa dan anak

Isu: Ibu bapa terlalu garang, tiada kasih sayang daripada ibu bapa, rindu bapa yang bekerja jauh dari rumah, tiada orang di rumah yang mendengar masalah yang dihadapi, rasa tersisih akibat perhatian ibu bapa kepada adik-adik di rumah.

Contoh soalan: Apakah kualiti ibu bapa yang ideal?

Penyelenggaraan Dilema *Real-life*

Dalam kajian ini, dilema-dilema *real-life* dalam pengajaran Pendidikan Moral kepada pelajar tingkatan empat telah dikaji. Secara terperinci, penyelidikan ini mengkaji penggunaan dilema *real-life* dalam pembelajaran moral pelajar di dalam bilik darjah.

Sampel kajian ini dipilih dari sebuah sekolah menengah bercampur di Petaling Jaya, Selangor. Jumlah subjek yang dipilih adalah seramai 16 orang pelajar tingkatan empat. Surat kebenaran secara bertulis daripada Pengetua, ibu bapa responden serta semua responden diperolehi.

Pemilihan kelas untuk menjalankan penyelidikan kajian adalah berdasarkan pengalaman penyelidik mengajar kelas-kelas tersebut selama 9 bulan. Pelajar-pelajar dalam kedua-dua kelas tersebut adalah dari jurusan perakaunan dan mereka mempunyai pencapaian akademik yang memuaskan (keputusan setiap mata pelajaran di tahap Penilaian Menengah Sekolah yang paling minima ialah B).

Rangsangan yang digunakan dalam pengajaran di dalam bilik darjah adalah perbincangan dilema *real-life* yang dikemukakan oleh pelajar sendiri.

Tiga jenis instrumen telah digunakan dalam penyelidikan ini. Instrumen-instrumen ini telah dipinjam, direka dan diubahsuai mengikut tujuan penyelidikan. Instrumen-instrumen yang digunakan ialah:

1. Borang soal-selidik
2. Dilema *real-life*
3. Perbincangan dilema *real-life*

Borang soal-selidik telah direka sendiri oleh penyelidik yang telah digunakan oleh para responden untuk menyatakan apakah dilema *real-life* yang dihadapi oleh mereka.

Soalan-soalan yang diberi:

1. Pernahkah anda menghadapi sebarang masalah dalam hidup? Ya/Tidak.
2. Adakah anda menghadapi sebarang masalah pada masa kini? Ya/Tidak.
3. Tuliskan lima masalah yang anda hadapi pada masa kini.

Teknik menyediakan dilema *real-life* hampir sama dengan teknik yang digunakan oleh Schools Council Moral Education Project (1972) di United Kingdom. Dalam teknik ini, dilema-dilema *real-life* remaja telah dikaji, kumpul dan dibukukan sebagai bahan rangsangan di bawah tajuk "Lifeline". Kemudiannya sesi perbincangan diadakan dan pelajar dikehendaki membuat pertimbangan moral mengikut isu yang dikemukakan. Andaian di sini ialah para responden akan membuat keputusan yang sama dalam situasi yang sebenar.

Penyelidik telah mengubahsuai teknik yang digunakan oleh Schools Council Moral Education Project (1972) dengan menyediakan soalan-soalan kefahaman dan soalan-soalan berpandukan nilai bagi setiap dilema yang digubal. Rasionalnya adalah agar responden dapat memikirkan dilema *real-life* yang dibincangkan sebelum menulis orientasi moral masing-masing.

Penyelidik telah memberikan satu penerangan ringkas mengenai dilema-dilema moral sebelum menyuruh pelajar menyenaraikan lima masalah yang mereka sedang hadapi pada masa itu. Pelajar-pelajar disuruh berfikir dan refleksi dahulu

sebelum menyenaraikan masalah yang mereka rasa selalu timbul dan susah untuk diselesaikan. Dengan menggunakan masalah pelajar-pelajar itu sendiri, penyelidik membentuk lima dilema yang digunakan sebagai rangsangan dalam pelajaran-pelajaran yang berikutnya.

Apabila penyelidik menjadikan masalah pelajar sebagai dilema, elemen-elemen yang disarankan oleh Zieler (1990) telah dijadikan panduan. Di antaranya ialah:

- i. Pengalaman-pengalaman kehidupan pelajar sama ada pada masa kini atau masa akan datang harus dijadikan fokus utama dalam dilema yang dikemukakan.
- ii. Setiap dilema mengandungi watak/watak-watak utama yang berhadapan dengan konflik-konflik yang tertentu.
- iii. Watak-watak utama dalam dilema berada dalam satu situasi yang menghendaki mereka membuat satu pertimbangan moral. Watak-watak ini perlu berhadapan dengan masalah dalam memilih di antara beberapa pilihan yang tidak mempunyai satu penyelesaian yang muktamad.
- iv. Isu dalam dilema perlu merupakan isu yang biasanya dianggap *crucial* kepada mereka yang menyelesaikan konflik itu. Isu-isu ini termasuklah hukuman, salah guna harta benda, peranan, autoriti, kasih sayang, keadilan, kebebasan dan kebenaran.
- v. Setiap dilema perlu diakhiri dengan soalan-soalan *probe*. Penggunaan soalan-soalan *probe* membolehkan seseorang guru membimbing dan membawa pelajar ke arah perbincangan yang lebih mantap. Ia juga membolehkan pelajar meluaskan batasan pemikiran mereka dan seterusnya membuat pertimbangan
- vi. Pertimbangan moral berdasarkan penilaian terhadap kesan dan akibat pemilihan keputusan yang berlainan.

Berpandukan garis panduan Zieler (1990), dan Schools Council Moral Education Project (1972), penyelidik telah menyediakan lima dilema moral *real-life* untuk dibincangkan di dalam bilik darjah. Nilai-nilai yang dibincangkan dalam dilema-

dilema moral tersebut semuanya terkandung di dalam Sukatan Pelajaran Pendidikan Moral Sekolah Menengah (1988).

Berikut adalah satu contoh bagaimana instrumen kedua direkabentuk:

Masalah-masalah diri yang dikemukakan oleh pelajar:

1. Risau mengenai saiz tubuh badan yang semakin naik.
2. Terlalu ketagih internet.
3. Tidak ada masa untuk membuat kerja rumah
4. Susah hendak memberi perhatian kepada pelajaran
5. Selalu mengantuk dalam kelas apabila guru sedang mengajar.
6. Susah mengawal perasaan dan cepat naik marah.

Daripada masalah tersebut, dilema telah digubal seperti dilema '**Salah Siapa?**'

Salah Siapa?

Mac, seorang remaja yang berumur 16 tahun dan menuntut dalam Tingkatan Empat. Seperti remaja lain, Mac suka bergaya dengan memakai pakaian yang mengikut trend terkini. Malangnya, Mac seorang yang berbadan gemuk dan sukar untuknya mencari pakaian yang sesuai. Mac benci melihat rupa badannya sendiri. Dia sering mengurung diri dalam biliknya. Satu-satunya sahabat karib Mac ialah komputer dan internet. Sebaik sahaja baik dari sekolah, Mac terus melayari laman-laman yang diminatinya. Kadang kala sehingga larut malam, Mac masih di hadapan muka komputer. Akibatnya, Mac sering mengantuk semasa guru mengajar. Dia juga tidak ada masa untuk membuat kerja rumah. Pelajarannya terjejas dan Mac cepat marah apabila ditegur oleh guru.

A. Soalan pemahaman

1. Apakah masalah utama yang dihadapi oleh Mac?
2. Apakah kesan tindakan Mac yang terlalu ghairah dengan komputer dan internet?

B. Soalan berpandukan nilai

1. Patutkah Mac rasa rendah diri kerana saiz badannya yang besar? Mengapa?
2. Pernahkah anda melakukan perkara-perkara yang dilakukan oleh Mac? Apakah kesan kepada anda dan keluarga anda?
3. Apakah sepatutnya dilakukan oleh Mac? Mengapa?

Instrumen ketiga yang digunakan oleh penyelidik ialah perbincangan dilema moral. Penyelidik telah mengadakan perbincangan bagi setiap dilema *real-life* yang digubal. Setiap dilema yang digubal oleh penyelidik berasaskan masalah-masalah responden. Perbincangan yang dijalankan menggunakan ciri-ciri perbincangan yang dicadangkan oleh Zieler (1990) dan telah diubahsuaikan. Di antara ciri-ciri yang disarankan oleh Zieler (1990) ialah:

- i. Penggunaan kaedah mengakhiri soalan secara terbuka atau *open-ended*. Ini bererti tidak ada satu jawapan yang 'betul'. Ini ialah kerana matlamat perbincangan bukan untuk mencapai kata sepakat tetapi membuat pertimbangan moral dan mengambil keputusan berdasarkan alasan yang sesuai yang akan digunakan juga dalam situasi kehidupan sebenar nanti.
- ii. Pertukaran idea secara bebas. Pelajar dibenarkan menyatakan pendapat masing-masing dengan nilai yang mereka rasa penting dalam isu yang dikemukakan. Setiap pelajar diberi peluang untuk memberi pendapat kepada perbincangan dalam satu suasana di mana penyelidik hanya menjadi fasilitator dan bukan hakim.
- iii. Interaksi berlaku di antara pelajar dengan pelajar. Penyelidik setakat mengutarakan soalan-soalan *probe* untuk membimbing perbincangan dan menggalakkan pelajar membuat pertimbangan moral di peringkat pertimbangan moral yang *adjacent* untuk mencabar di antara satu sama lain.
- iv. Fokus adalah terhadap pengembangan kemahiran pendengaran dan lisan. Walau bagaimanapun, ada kalanya, penyelidik membimbing pelajar-pelajar menulis apa yang mereka rasa pertimbangan moral

yang sesuai. Ini kerana bukan semua pelajar dapat menyampaikan idea dengan bernas melalui lisan.

- v. Tumpuan adalah terhadap pertimbangan moral. Alasan-alasan pelajar ditumpukan kepada tindakan dan pemilihan pelajar dengan mengutamakan nilai yang mereka berpegang pada semasa membuat sesuatu pertimbangan moral.
- vi. Dilema-dilema menghasilkan konflik. Konflik dalam dilema akan menambahkan penglibatan pelajar dan membuat mereka memikirkan akan tindakan serta akibat tindakan mereka dalam sesuatu isu. Mencari penyelesaian kepada sesuatu konflik merupakan satu prasyarat kepada perkembangan pelajar dalam membuat pertimbangan moral biar dalam bilik darjah mahupun dalam situasi yang berlaku dalam kehidupan mereka.

Pendekatan perbincangan moral dalam bilik darjah telah digunakan oleh Jeevajothi (1997) yang mendapati cara ini efektif dalam mengendalikan perbincangan di sekolah-sekolah di Malaysia. Penyelidik telah bertindak sebagai fasilitator sepanjang tempoh penyelidikan beliau. Seperti yang dinyatakan oleh Traviss (1985), peranan seorang guru adalah sebagai penyoal, membantu pelajar melihat kelemahan dalam diri mereka, membantu menganalisis respon pelajar dan mencadangkan alternatif untuk pemikiran yang lebih mantap. Guru perlu membantu mereka yang kurang bercakap dan menggalakkan mereka menyuarakan idea dan pendapat tanpa ketakutan yang pendapat mereka akan diketawakan oleh rakan sebaya atau dianggap kurang mantap.

Kajian kualitatif dalam bentuk *action research* telah dikendalikan. Setiap dilema disertai dengan satu rancangan pelajaran yang lengkap untuk tempoh 80 minit. 45 minit yang pertama digunakan untuk perbincangan manakala 12 minit terakhir digunakan untuk pelajar dan penyelidik menulis di jurnal peribadi masing-masing.

Tiga jenis dokumen yang dikutip ialah dokumen peribadi atau jurnal peribadi pelajar, jurnal peribadi penyelidik, serta buku latihan pelajar. Jurnal peribadi pelajar mengandungi segala luahan perasaan mereka selepas setiap sesi perbincangan diadakan dalam bilik darjah. Buku latihan pelajar mengandungi jawapan-jawapan bertulis kepada soalan-soalan kefahaman dan nilai untuk setiap dilema *real-life* yang dibincangkan. Data dari sini telah dianalisa untuk dikategorikan orientasi moral pelajar berpandukan pengkategorian Chang (1998). Di akhir setiap perbincangan moral dalam bilik darjah, responden diberi masa 20 minit untuk mencatatkan jawapan dalam buku latihan. Buku-buku latihan dikumpul di akhir kajian dan dianalisa mengikut pengkategorian Chang (1998).

Satu kajian rintis telah dijalankan di sekolah yang sama menggunakan 32 pelajar tingkatan empat pada 25 September 2001. Kelas yang digunakan ialah gabungan kelas Tingkata 4A dan 4B yang terdiri daripada pelajar-pelajar jurusan Sains. Tujuan kajian rintis ini dijalankan adalah untuk menentukan sama ada cara perbincangan yang dijalankan untuk menyelesaikan masalah dilema 'real-life' berkesan. Oleh kerana saiz kelas terlalu besar, didapati pelajar kurang serius dan ada pelajar yang langsung tidak terlibat dengan sesi perbincangan yang dijalankan. Tetapi dari pemerhatian penyelidik, semua pelajar memberi pertimbangan moral mereka dalam buku latihan dan menghantar buku mereka pada hari perbincangan itu.

Kajian telah dijalankan selama tiga bulan secara tidak berturut-turut. Oleh kerana penyelidik bertugas di tempat beliau menjalankan kajian, terdapat banyak aktiviti lain yang terpaksa dijalankan pada masa yang sama iaitu Ujian Bulanan serta Peperiksaan Akhir Tahun. Kajian ini dimulakan dengan sesi perbincangan secara terbuka di mana pelajar-pelajar menyenaraikan lima masalah yang mereka hadapi. Seterusnya lima sesi perbincangan dijalankan untuk menyelesaikan dilema *real-life* yang dikemukakan. Setiap sesi diakhiri dengan penulisan jurnal peribadi. Penyelidik juga mengumpul buku latihan pelajar-pelajar

di akhir setiap sesi untuk menganalisa pertimbangan moral mereka serta alasan yang diberi.

Terdapat beberapa model perbincangan dilema moral yang dicadangkan dalam bilik darjah seperti model Fraenkel (1977), model Derr (1982) dan Rest (1975). Penyelidik telah menggunakan model Derr yang mirip dengan model Arbuthnot (1981) dan Fraenkel (1977) yang mempunyai ciri-ciri kerja kumpulan. Tambahan pula aktiviti kerja kumpulan memang disarankan sebagai satu kaedah pengajaran dalam sistem persekolahan di Malaysia. (Laporan Kabinet, 1979).

Untuk menjawab soalan-soalan penyelidikan kajian ini, analisis data dibuat dengan:

- i. menganalisa dan mencatatkan respon pelajar terhadap delima yang diberi berpandukan pertimbangan moral yang ditulis dalam buku latihan.
- ii. menganalisa jurnal peribadi pelajar
- iii. menganalisa jurnal peribadi penyelidik

Menganalisa dilema *Real-life* untuk Pengajaran Pendidikan Moral

Masalah dalam domain pertama ialah mengenai konsep sendiri. Semua pelajar (100%) ada menyenaraikan masalah dan isu yang berkaitan dengan diri. Menurut Elkind (1981, 1984), remaja menghadapi banyak masalah sekiranya mereka dipaksa membesar dengan cepat. Pelajar-pelajar bandar dipertanggungjawabkan dengan menjaga rumah, mendapat keputusan akademik yang cemerlang dan bersikap baik. Elkind (1987) menganggar ibu bapa akan kurang terlibat dengan anak-anak dan anak-anak pula menghadapi kekosongan akibat diabaikan oleh ibu bapa.

Elkind (1967) mendapati masalah remaja wujud kesan dari perasaan egosentrik yang telah diasaskan oleh Piaget (1929). Andaian ini dibahagikan kepada

imagery audience iaitu remaja yang memikirkan merekalah masalah yang diperhatikan oleh semua orang dan keduanya ialah *personal fable* di mana remaja memikirkan masalah yang pelbagai hanya berlaku ke atas diri mereka. Isu-isu yang dikemukakan oleh para pelajar seperti "Saya begitu gemuk dan hodoh", "Saya tidak boleh ingat fakta-fakta yang saya baca", "Hampir setiap minggu, saya jatuh sakit" memberikan bukti kepada pandangan Elkind (1967).

Bagi kategori masalah kedua iaitu konsep mengenai persahabatan dan perhubungan rakan sebaya, 95% responden menyenaraikan masalah mengenai persahabatan iaitu dengan rakan sebaya, adik-beradik, jiran tetangga, saudara mara dan juga rakan di pusat tuisyen. Menurut Sullivan (1953) persahabatan dan mempunyai sahabat penting dalam peringkat hidup remaja. Ini ialah kerana sahabat membantu membentuk tingkah laku prososial dalam sekolah dan masyarakat. Selman (1980, 1981) yang menyatakan ideanya mengenai pemahaman interpersonal mempertikaikan bahawa perubahan dalam perkembangan kognitif membantu remaja meningkatkan pemahaman mengenai pihak ketiga. Remaja dapat memahami dan menerima situasi orang lain dengan mengambil perspektif orang tersebut. Kebanyakan isu yang dikemukakan oleh responden seperti tidak tahu menjaga hati kawan, rasa cemburu dengan kawan yang lebih bijak dan kawan-kawan terlalu aktif menunjukkan mereka masih melihat dari perspektif sendiri seperti yang dinyatakan Elkind (1967); terlalu egosentrik. Sahabat adalah penting tetapi pada masa yang sama, banyak konflik wujud akibat perhubungan persahabatan. (Youniss dan Smollar, 1985)

Masalah ketiga yang dihadapi oleh pelajar-pelajar ialah isu-isu berkaitan pencapaian akademik dan persekolahan. Lebih 80% responden menyenaraikan isu-isu seperti keputusan akademik merosot sejak naik ke Tingkatan Empat, pengajaran dan pembelajaran di sekolah tidak menarik, tiada motivasi untuk belajar, kerja sekolah tidak disiapkan dan selalu kena marah dari guru. Menurut Brown dan rakan-rakan (1993), melalui kajian yang telah mereka jalankan ke atas remaja di Amerika Syarikat dan Asia, mereka mendapati campur tangan

pihak ketiga seperti ibu bapa dan guru memberi kesan positif terhadap pencapaian akademik remaja. Tetapi Brown dan rakan-rakan (1993) juga mendapati keputusan di atas tidak boleh digeneralisasikan. Ini kerana ada juga perhatian ibu bapa yang meninggalkan kesan anti sosial serta keputusan yang merosot dalam pencapaian akademik remaja. Eckert (1990) mendapati pelajar yang sentiasa ada masalah persekolahan ada kemungkinan menjadi pelajar berpencapaian rendah. Mc Call dan rakan-rakan (1992) mengandaikan keadaan ini wujud akibat kurang motivasi. Dari respon pelajar-pelajar yang dikaji, lebih 55% menyatakan bahawa apabila keputusan mereka merosot, mereka tidak ada motivasi untuk belajar. Akibatnya, keputusan semakin merosot dan kerja sekolah membebankan. Mc Call dan rakan-rakan (1992) mendapati pelajar-pelajar berpencapaian rendah di kalangan sekolah menengah atas adalah akibat kekurangan motivasi, bukan kekurangan potensi. Ini jelas di kalangan responden sebab dalam peperiksaan Penilaian Menengah Rendah, kesemua mereka mendapat keputusan baik dengan gred paling minima 'B' dalam kesemua mata pelajaran yang diduduki.

Masalah keempat yang dihadapi ialah mengenai perhubungan ibu bapa dan anak. Empat belas daripada enam belas responden ada terlibat dengan pertikaian mulut atau salah faham dengan sama ada ibu atau bapa mereka. Masalah mereka termasuk ibu bapa terlalu garang, kurang mendapat perhatian daripada ibu bapa, ibu lebih menyayangi adik atau anggota keluarga yang lebih pandai. Menurut Olson dan rakan-rakan (1979), *balanced family adaptability* dapat membantu setiap individu dalam keluarga berkembang dan menjadikan perhubungan keluarga lebih aman dan harmoni. Ini bererti ada toleransi di antara ahli-ahli keluarga walaupun wujud perbezaan dalam persepsi mereka seperti yang ditemui melalui kajian Barres dan Olson (1985). Dalam kajian Elder (1963), para remaja menyatakan ibu bapa yang autokratik tidak membenarkan mereka menyuarakan pendapat atau membuat sesuatu mengikut rasa hati mereka. Ibu bapa sebegini tidak memikirkan perasaan anak-anak mereka. Mengikut seorang responden, dia suka makan banyak, tetapi disebabkan oleh ibunya yang garang,

dia sentiasa makan sehingga tidak kenyang. Seorang responden lain pula menyatakan akibat ibu bapanya yang terlalu garang, dia sudah pandai menipu dan memberi pelbagai alasan agar tidak dimarahi. Selain masalah ibu bapa, ada 6 responden yang menyenaraikan mereka menghadapi masalah berkaitan dengan adik-beradik. Seorang responden merungut yang dia ada dua orang kakak yang lebih pandai darinya. Akibatnya, dia selalu dimarahi dan dihina oleh ibu dan kakak-kakaknya. White (1976) mendapati salah faham di antara adik-beradik menyebabkan trauma emosi yang meningkatkan *rivalry* di antara mereka. Akibat tekanan emosi yang meningkat, salah seorang responden memberitahu penyelidik yang dia sering mengurung diri dalam bilik dan mencederakan anggota badannya (kaki dan tangan) dengan menggunakan benda-benda yang tajam. Kesakitan yang dialami akan menyebabkannya menangis dan terus tertidur.

Kesimpulan yang boleh dibuat ialah daripada penyenaian masalah responden, ianya boleh dibahagikan kepada empat kategori umum iaitu masalah-masalah berkaitan diri, masalah-masalah persahabatan dan perhubungan rakan sebaya, masalah-masalah akademik dan persekolahan dan masalah-masalah perhubungan ibu bapa dan anak.

Penyelidik telah menggunakan pengkategorian Chang (1998) yang didapati sesuai untuk mengelaskan pilihan tindakan dan pertimbangan moral yang telah dibuat oleh enam belas responden yang dikajinya. Walau pun orientasi Kohlberg (1987) boleh dibahagikan kepada empat orientasi moral *normative*, *fairness*, *utilitarianism*, *perfectionism*, namun konsep-konsepnya agak abstrak dan terasing daripada dilema *real-life* yang dihadapi setiap hari. Ada penyelidik yang mempertikaikan bahawa orang ramai memberi alasan berbeza mengenai masalah moral *real-life* yang mereka hadapi berbanding dengan masalah moral hipotetikal yang mereka bincangkan. (Ford dan Lowey, 1986; Gilligan, 1977, 1982; Lyons, 1982, 1983).

Orientasi moral Gilligan (1977, 1982) lebih sesuai dengan kajian penyelidik sebab Gilligan (1977) menekankan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan di antara hipotetikal dan *real-life* dilema. Seseorang berhadapan dengan situasi sebenar apabila cuba menyelesaikan dilema *real-life*. Dilema hipotetikal menggambarkan situasi abstrak yang tidak berkaitan dengan kehidupan dan terpisah daripada kebenaran. (Gilligan, 1977). Walau bagaimanapun, orientasi moral Gilligan (1977) yang dibahagikan kepada orientasi keadilan dan orientasi sayang masih boleh dipertikaikan sebab ada kalanya seseorang membuat pertimbangan moral berdasarkan *self-reflection*, (Walker, 1986), serta budaya dan nilai-nilai masyarakat setempat (Snarey, 1985). Nisan dan Kohlberg (1982) mengaku ada kemungkinan beberapa budaya menggunakan prinsip-prinsip moral yang berbeza dengan masyarakat Barat. Maka penyelidik menggunakan orientasi moral Chang. (1998)

Pengkategorian Jenis Orientasi Moral untuk pilihan tindakan dan nilai dalam Dilema *Real-life*

Dalam menganalisa orientasi moral yang digunakan apabila membuat pertimbangan moral, data yang dikumpulkan dalam penyelidikan ini menunjukkan 5 respon utama (satu respon bagi setiap dilema *real-life*) yang diperoleh dan dikategorikan. Pilihan tindakan ini dikumpulkan di bawah empat jenis orientasi: pertimbangan sendiri, sayang, keadilan dan gabungan dua atau lebih orientasi. Jadual 2 memberi maklumat jenis orientasi dan contoh respon yang diberi oleh 16 responden apabila menyelesaikan lima dilema *real-life* yang dibincangkan.

Kategori Jenis Orientasi Moral dalam Dilema *Real-life*

Jadual 2: Jenis orientasi moral, pilihan tindakan dan nilai dengan contoh respon bertulis ke atas lima dilema 'real-life'

Jenis orientasi moral	Pilihan tindakan, nilai dan contoh respon bertulis
1.Orientasi	1. Salah Siapa?

<p>pertimbangan sendiri: Harapan, keperluan-keperluan dan hormat sendiri watak utama dalam dilema <i>real-life</i></p>	<p>- Tidak salah jika Mac melayari laman-laman yang diminatinya, cuma perlu pastikan tidak keterlaluan dalam tingkah lakunya. Mac harus memikirkan kesihatan dirinya dan buat senaman.</p>
<p>2. Orientasi sayang: Saling bergantung dalam sesuatu perhubungan, prihatin dan ada pertalian di antara watak utama dan orang lain dalam dilema serta kebajikan orang lain yang dipaparkan.</p>	<p>1. Salah Siapa? - Mac tidak patut benci akan rupa badannya. Dia patut bersyukur dan sayang akan badannya yang lengkap dan cuba menghadapi hidup dengan pemikiran yang positif. Dia boleh berjumpa guru kaunseling atau guru moral untuk mendapatkan nasihat dan bimbingan.</p>
<p>1. Orientasi keadilan: Sistem perundangan dan hak-hak, prinsip keadilan dan kesaksamaan watak utama dan watak-watak lain yang dinyatakan.</p>	<p>1. Salah Siapa? - Tidak patut Mac menyalahkan diri sendiri. Mungkin Mac berasal dari baka yang berbadan besar. Dia perlu adil pada dirinya dan mencari jalan penyelesaian agar hidupnya tidak terkongkong dalam biliknya sahaja.</p>
<p>2. Orientasi gabungan Perspektif di mana lebih satu jenis orientasi, sama ada pertimbangan sendiri, sayang dan/atau keadilan dinyatakan</p>	<p>1. Salah Siapa? - Mac berhak membenci rupanya yang gemuk dan hodoh itu. Tetapi benci itu harus bertukar kepada idea-idea yang proaktif seperti pergi ke gimnasium dan kuruskan badan atau jumpa doktor untuk mendapat maklumat mengenai diet yang bersesuaian.</p>

Kesimpulan yang boleh dibuat ialah orientasi moral para responden lebih dari saranan Gilligan (1977), iaitu keadilan dan sayang dan sesuai dikategorikan mengikut kategori-kategori Chang (1998).

Kebolehpercayaan *Inter-rater* untuk Penentuan Orientasi Moral

Dilema *real-life* yang disenaraikan oleh responden telah dikategorikan dan diubahsuai mengikut domain-domain yang dicadangkan oleh Selman (1980). Dilema-dilema ini juga diberi kepastian oleh 2 penyelidik yang lain.

Respon pelajar-pelajar terhadap dilema *real-life* yang dibincangkan dan yang diperolehi telah dikategorikan mengikut empat orientasi moral yang dikemukakan oleh Chang (1980). Respon-respon ini juga diserahkan kepada penyelidik dalam bidang Pendidikan Moral yang mempunyai pengalaman dan kepakaran yang luas dalam bidang orientasi moral dan cara menentukan orientasi moral berpandukan respon pelajar.

Untuk memperolehi kebolehpercayaan *inter-rater* kepada penentuan pengkategorian orientasi moral pelajar, respon mereka (10 daripada 80 respon) telah diberi pada rakan penyelidik yang juga seorang pengajar matapelajaran pendidikan Moral di sekolah menengah. Didapati 9 daripada 10 pengkategorian penyelidik dan rakannya sama manakala satu lagi kurang jelas dan terdapat percanggahan pendapat. Ketidak-persetujuan ini telah diselesaikan dan satu persetujuan dicapai melalui satu sesi perbincangan di antara penyelidik dan *rater* yang kedua.

Implikasi Penggunaan Dilema *Real-life* dalam Pengajaran Pendidikan Moral di Sekolah-sekolah Menengah di Malaysia

Dilema *real-life* pelajar-pelajar boleh digunakan sebagai satu alternatif pengajaran dalam bilik darjah. Sekiranya jumlah pelajar kurang, pelajar-pelajar boleh kemukakan masalah peribadi mereka dan diselesaikan dengan menggunakan orientasi moral masing-masing. (Gilligan, 1977) . Daripada penyelidikan yang telah dijalankan, didapati:

- Penggunaan dilema *real-life* dapat dipraktikkan dalam pengajaran Pendidikan Moral dalam bilik darjah.
- Pelajar-pelajar mengambil bahagian yang aktif dalam perbincangan serta aktiviti bertulis yang diadakan.
- Pelajar-pelajar dapat menyuarakan pendapat masing-masing dengan lebih yakin dan berani sebab masalah/dilema yang dibincangkan semuanya melibatkan remaja; melibatkan mereka sendiri sebagai watak utama atau watak-watak sampingan.
- Pelajar-pelajar dapat mengaitkan nilai-nilai dalam Sukatan Pelajaran Pendidikan Moral Sekolah Menengah (1988) dengan dilema moral secara lebih mudah, tanpa perlu sebarang tekaan dan hafalan.
- Pelajar-pelajar dapat mempraktikkan konsep *perspective-taking* dengan lebih selesa sebab dilema-dilema yang dibincangkan adalah dilema mereka.
- Pelajar-pelajar prihatin dalam memilih tindakan dan nilai serta memberi respon yang jelas kepada pemilihan tindakan mereka.

Walau bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan dalam penggunaan dilema *real-life* dalam pengajaran Pendidikan Moral yang perlu diberi perhatian oleh guru-guru. Di antaranya ialah:

- Pelajar kurang serius dalam memberikan respon dan pilihan tindakan khususnya jika dilema itu bukan satu masalah bagi diri mereka. Bagi mengatasi masalah ini, pelajar-pelajar berkenaan boleh ditanya masalah peribadi mereka dan disuruh mencari jalan penyelesaian. (Gilligan, 1977).

- Ada pelajar yang menjadi terlalu sensitif dan menangis atau terus membatu apabila dilema mereka dibincangkan. Dalam hal sebegini, guru sebagai fasilitator perlu sensitif terhadap personaliti pelajar tersebut. Seperti yang dinyatakan oleh Elkind (1979), egosentrisme iaitu hanya memikirkan diri sendiri mengambil pelbagai bentuk dan rupa. Ia berdasarkan pengalaman sosial yang berubah-ubah dari masa ke semasa. Maka guru perlu prihatin kepada keperluan setiap pelajar dalam bilik darjah dan tidak menganggap semua pelajar sebagai sama.

Daripada dapatan, kajian dan refleksi penyelidik, didapati penggunaan dilema *real-life* boleh digunakan oleh guru-guru Pendidikan Moral tetapi guru-guru perlu mengambikira faktor-faktor kelemahan yang dibincangkan di atas.

Penyelidik mencadangkan agar guru-guru Pendidikan Moral menggunakan dilema *real-life* pelajar-pelajar sebagai satu alternatif pengajaran dalam bilik darjah. Sekiranya jumlah pelajar kurang, pelajar-pelajar boleh kemukakan masalah peribadi mereka dan diselesaikan dengan menggunakan pertimbangan moral; seperti yang dilakukan oleh Gilligan(1977).

Sekiranya jumlah pelajar melebihi 10 orang, guru boleh menggunakan garis panduan Zieler (1990) dan Schools Council Moral Education Project (1972) untuk memperolehi dan membentuk dilema moral *real-life*. Dilema-dilema ini boleh dibincangkan dalam kumpulan kecil di mana pelajar-pelajar akan reflek masalah-masalah umum yang mereka hadapi. Baumrind (1986) menyatakan pengalaman sosio moral penting dalam mencapai satu tahap pertimbangan moral. Walker (1986) pula menegaskan bahawa satu faktor utama yang menggalakkan perubahan emosi dan pengalaman perseorangan dalam tanggungjawab diri dan membuat keputusan ialah *exposure* yang diterima oleh seseorang itu. Pada penilaian Walker (1986), apa yang perlu diambil berat ialah sama ada *exposure* pada pengalaman kehidupan sebenar menggalakkan

seseorang individu reflek dan membincangkan konflik dan isu-isu moral. Daripada kajian yang dijalankan, penyelidik mendapati penggunaan dilema *real-life* menggalakkan perkembangan pemikiran yang disarankan oleh Walker.

Pelajar-pelajar harus digalakkan mendebatkan isu-isu dan mengambil perspektif yang berlainan. Mengikut Selman (1980), mengambil perspektif orang lain membantu dalam memahami situasi orang tersebut khususnya dalam perhubungan interpersonal. Setelah pelajar-pelajar ini berbincang dan mendebatkan dilema moral yang mereka hadapi dalam kehidupan seharian, guru Pendidikan Moral bolehlah menggalakkan pelajar menjustifikasikan keputusan mereka kepada pihak yang berkenaan (contoh: rakan sebaya, guru).

Kesimpulan

Penggunaan dilema *real-life* dalam pengajaran Pendidikan Moral di kalangan pelajar sekolah menengah atas menggalakkan perkembangan moral kognitif mereka dan ia juga boleh digunakan sebagai salah satu pengukur tepat perspektif moral pelajar-pelajar. Mereka juga akan berfikir secara matang sebelum memberi sebarang respon sebab isu yang dibincangkan adalah sebahagian dari kehidupan mereka. (Carpendale dan Krebs, 1992). Pengajaran menjadi lebih bermakna dan dapat membantu pelajar menyelesaikan masalah kehidupan seharian mereka secara matang dan realistik.

RUJUKAN

B. Vishalache. (2002). *Penggunaan dilema real-life dalam pengajaran Pendidikan Moral*. Kertas Projek Sarjana Pendidikan, Universiti Malaya.

Chang Lee Hoon. (1998). *Moral reasoning of Malaysian students: A study on choices of action, values and orientations of 16 year-old students*. Unpublished thesis, Macquarie University, Sydney.

Downey, M., & Kelly, A.V. (1978). *Moral education : theory and practice*. London : Harper Row.

- Frankena (1973). *Ethics*. New Jersey : Prentice Hall
- Hersh, R.H., Miller, J.P., & Fielding, G.D.(1980). *Models of moral education: An appraisal*. New York: Longman
- Kohlberg, L., (1975). The just community approach to corrections : A theory. *Journal of Moral Education*. 4(3), 243-260
- Kohlberg,L., (1974). Education, moral development and faith. *Journal of Moral Education*. 4(3), 5-16
- Krebs, D.L., Vermeulen, S.C., Benton,K.L., & Carpendale, J.I. (1997). Gender and perspective differences in moral judgement and orientation. *Journal of Moral Education*. Vol. 23(1), 17-25
- Lickona, T. (1976) (Ed.) *Moral development : Theory, research and social sciences*. Holt : Rhinehart & Winston.
- Malaysia. Kementerian Pendidikan Malaysia. (1994). *Buku panduan khas penilaian kendalian sekolah menengah: Pendidikan Moral*. Pusat Perkembangan Kurikulum.
- Malaysia. Kementerian Pendidikan Malaysia. (1998). *Sukatan Pelajaran Sekolah Menengah : Pendidikan Moral*. Pusat Perkembangan Kurikulum.
- Purpel,D.E., & Ryan, K (ed). (1976). *Moral education. It comes with the territory*. Berkeley, California : Mc Cutchan
- Wilson, J. (1972). *Introduction to moral education*. Harmondsworth : Penquin Books.
- Zieler, D.L. (1990). Values, morality & STS issues : A developmental perspective. Paper presented at the Annual Meeting of the National Association for Science, Technology & Society. (ERIC Document Reproduction Service No. ED 324246)
- Gilligan, C. (1977). In a different voice. Women's conception of the self and morality. *Harvard Educational Review*, 47, 481-517
- Gilligan, C. (1982). *In a different voice. Psychological theory and women's development*. Cambridge, Massachusetts : Harvard University Press.
- Gilligan, C., & Attanucci, J. (1988). Two moral orientations : Gender differences and similarities. *Merrill-Palmer Quarterly*, vol. 34, 223-237

Selman, R.L. (1980). *The growth of interpersonal understanding development and clinical analysis*. New York : Academic Press.

Wark, G.R. & Krebs, D.L. (1996). Gender and dilemma differences in real-life moral judgement. *Developmental Psychology*, 32, ms. 220-230

Wark, G.R. & Krebs, D.L. (2000). The Construcion of moral dilemmas in everyday life. *Journal of Moral Education*, 29(1), 5-21

N. Jeevajothi. (1997). *Keberkesanan perbincangan dilema moral dalam perubahan peringkat penaakulan moral di kalangan pelajar Tingkatan Empat*. Tesis Sarjana Pendidikan, Universiti Malaya.

Walker, L.J., (1989). A longitudinal study of moral reasoning. *Child Development*, 60, ms.157-166

Walker, L.J., (1980). Cognitive and perspective-taking for moral development. *Child Development* 51, ms. 131-139

Walker, L.J., de Vries, B. & Trevethan, S.D. (1987). Moral stages and moral orientations in real life and hypothetical dilemmas. *Child Development*,58, ms. 842-858.

Contoh-contoh Dilema Real-life yang dihadapi oleh remaja dalam penyelidikan

Dilema Ai Ching

Ai Ching berasal dari keluarga yang ibu bapanya sangat garang. Ai Ching tidak dibenarkan keluar rumah bersama rakan-rakannya. Setiap hari, Ai Ching dimarahi oleh ibu bapanya atas semua kesalahan kecil yang dilakukan. Akibatnya, Ai Ching selalu menipu dan memberi pelbagai alasan agak tidak dimarahi ibu bapanya. Pada suatu hari, tanpa pengetahuan ibu bapanya, Ai Ching keluar bersiar-siar ke Sunway Pyramid bersama kawan-kawannya. Kawan bapa Ai Ching melihatnya di

sana dan terus menegurnya. Oleh kerana takut akan dimarahi lagi, Ai Ching terus memberitahu ayahnya yang dia menemani rakan-rakannya ke Sunway Pyramid untuk aktiviti ko-kurikulum. (Kelab Boling).

A. Soalan pemahaman

1. Siapakah watak utama dalam situasi di atas?
2. Apa yang suka dilakukan oleh Ai Ching? Mengapa?

B. Soalan berpandukan nilai, pilihan tingkahlaku dan orientasi

1. Patutkah Ai Ching menipu ibu bapanya? Mengapa?
2. Jika kawan bapa Ai Ching telah memberitahu bapa Ai Ching bahawa dia berjumpa Ai Ching di Sunway Pyramid, haruskah Ai Ching terus bercakap bohong?
3. Adakah satu kesalahan besar jika kita menipu untuk menyelamatkan diri daripada hukuman?
4. Pernahkah anda sendiri menipu pada ibu bapa? Mengapa anda berbuat demikian?

Dia Kawan Saya

Maniam mempunyai seorang abang yang suka mengawasi gerak-gerinya. Akibatnya, Maniam selalu terasa terkongkong. Abang Maniam, Siva tidak menyukai salah seorang rakan Maniam yang dianggap memberi pengaruh negatif terhadap kelakuan dan sikap Maniam. Siva menyuruh Maniam memutuskan hubungan persahabatannya dengan kawannya itu. Tetapi pada pendapat Maniam, kawannya itu baik. Dialah

satu-satunya kawan yang rela berkongsi buku atau memberi pinjam wang sekiranya Maniam tidak ada wang. Untuk Maniam, persahabatannya dengan kawan itu sangat bermakna dan amat disenangi. Oleh kerana Maniam tidak menurut perintah Siva, kedua-dua adik-beradik itu sering bertengkar. Siva juga sering membawa mulut mengenai rakan Maniam kepada ibu mereka.

A. Soalan pemahaman

1. Beri dua watak utama dalam situasi di atas.
2. Mengapa mereka berdua sering bertengkar?

B. Soalan berpandukan nilai, pilihan tingkahlaku dan orientasi

1. Patutkah Siva melarang Maniam dari berkawan dengan sahabat yang disukainya? Mengapa?
2. Siva membawa mulut mengenai rakan Maniam kepada ibu mereka. Sebagai ibu, apakah tindakannya?
3. Pernahkah anda sendiri berhadapan dengan situasi seperti di atas? (Maniam atau Siva?)
4. Mengapa anda melarang adik berkawan dengan seseorang yang disukainya?/ Mengapa anda dilarang berkawan dengan seseorang yang disukai?

Dilema Aini

Aini seorang pelajar Tingkatan Empat. Pada awal tahun persekolahan, Aini telah dimasukkan ke dalam kelas Sastera. Tetapi ibu bapa Aini merayu pada pihak sekolah dan Jabatan Pendidikan Daerah agar Aini ditukar ke kelas Perakaunan. Rayuan mereka diterima dan kini Aini berada dalam kelas Perakaunan. Aini mempunyai dua orang kakak

lulusan universiti dan kini bekerja. Aini sering diejek dan dimaki oleh ibu dan kakak-kakaknya kerana dia tidak seandai mereka. Aini telah mencuba sedaya upaya tetapi keputusan akademiknya semakin merosot. Aini selalu mendapat markah kurang dari 50% bagi kertas Perakaunan. Apabila tidak lagi tahan dengan ejekan ibu dan kakak-kakaknya, Anini sering mengurung diri dalam biliknya. Dia juga mencederakan anggota badannya dengan benda yang tajam.

A. Soalan pemahaman

1. Siapakah watak utama dalam situasi di atas?
2. Apakah kesan perbuatan watak-watak sampingan ke atas watak utama?

B. Soalan berpandukan nilai, pilihan tingkahlaku dan orientasi

1. Siapakah yang lebih berhak menentukan jurusan Aini di sekolah? Mengapa?
2. Patutkah ibu dan kakak-kakak Aini mengejeknya apabila keputusannya merosot? Apakah alasan anda?
3. Adakah Aini berhak mencederakan dirinya apabila terlalu sedih? Mengapa?

Dilema Cherry

Cherry seorang pelajar berusia enam belas tahun. Dia mempunyai seorang kakak saudara, Mary yang tinggal bersama keluarganya. Mary berusia lapan belas tahun dan kini menuntut di sebuah kolej swasta

berhampiran rumah Cherry. Mary dan Cherry mempunyai hubungan persahabatan yang baik. Pada suatu hari, Mary menceritakan yang dia mempunyai seorang teman lelaki istimewa yang belajar bersama-sama dengannya. Mary berasa risau kerana ibu bapanya sangat garang dan tidak suka anak mereka mempunyai teman lelaki semasa belajar. Cherry telah berjanji yang hubungan Mary itu akan dia simpan sebagai rahsia. Pada malam itu, Cherry telah menceritakan hubungan Mary kepada ibu bapanya yang moden dan tidak menegah anak mereka berteman lelaki asalkan tidak melampaui batas. Kini Cherry begitu runsing sebab rahsia Mary telah dibocorkan. Mary pula begitu mempercayai Cherry.

A. Soalan pemahaman

1. Beri dua watak utama dalam situasi di atas. Apakah hubungan mereka?
2. Apa yang berlaku dalam kehidupan Mary?
3. Apa yang dilakukan oleh Cherry?

B. Soalan berpandukan nilai, pilihan tingkahlaku dan orientasi

1. Patutkah Cherry merahsiakan hubungan Mary? Mengapa?
2. Cherry telah berjanji pada Mary yang dia tidak akan memberitahu hubungannya pada sesiapa pun. Adakah tindakan Cherry itu betul? Mengapa?
3. Adakah satu kesalahan besar jika kita memungkiri janji?
4. Apakah aspek yang paling penting dalam perhubungan di antara Cherry dan Mary?

5. Dalam keadaan yang diberi, apakah perkara yang bertanggungjawab yang boleh dilakukan oleh Cherry? Mengapa?
6. Pernahkah anda sendiri berhadapan dengan situasi yang sedemikian? (Cherry ataupun Mary)
7. Pernahkah rahsia yang anda beritahu pada kawan/abang/kakak dibocorkan? Bagaimana perasaan anda? Apakah tindakan anda?
8. Pernahkah anda sendiri membongkar rahsia yang diberitahu oleh seseorang kepada anda? Mengapa anda berbuat demikian?

Salah Siapa?

Mac, seorang remaja yang berumur 16 tahun dan menuntut dalam Tingkatan Empat. Seperti remaja lain, Mac suka bergaya dengan memakai pakaian yang mengikut trend terkini. Malangnya, Mac seorang yang berbadan gemuk dan sukar untuknya mencari pakaian yang sesuai. Mac benci melihat rupa badannya sendiri. Dia sering mengurung diri dalam biliknya. Satu-satunya sahabat karib Mac ialah komputer dan internet. Sebaik sahaja baik dari sekolah, Mac terus melayari laman-laman yang diminatinya. Kadang kala sehingga larut malam, Mac masih di hadapan muka komputer. Akibatnya, Mac sering mengantuk semasa guru mengajar. Dia juga tidak ada masa untuk membuat kerja rumah. Pelajarannya terjejas dan Mac cepat marah apabila ditegur oleh guru.

A. Soalan pemahaman

1. Apakah masalah utama yang dihadapi Oleh Mac?

2. Apakah kesan tindakan Mac yang terlalu ghairah dengan komputer dan internet?

B. Soalan berpandukan nilai

1. Patutkah Mac rasa rendah diri kerana saiz badannya yang besar?
Mengapa?
2. Pernahkah anda melakukan perkara-perkara yang dilakukan oleh Mac? Apakah kesan kepada anda dan keluarga anda?
3. Apakah sepatutnya dilakukan oleh Mac? Mengapa?